



29 JUN, 2025

Russia sedia bantu Malaysia tingkat teknologi nuklear

Berita Harian Ahad, Malaysia



Russia sedia bantu Malaysia tingkat teknologi nuklear

Moscow: Russia menyatakan kesediaan dan bersetuju untuk terus bekerjasama dalam meningkatkan keupayaan Malaysia dari segi institusi, modal insan, teknikal, komersial dan perundangan bagi pembangunan teknologi tenaga nuklear negara.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata pengalaman luas Russia dalam bidang tenaga nuklear perlu

diberikan perhatian untuk keterjaminan tenaga pada masa depan.

Beliau juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air bercakap pada sidang media selepas mengakhiri lawatan kerja empat hari ke Russia berkata, antara tujuan utama lawatan kerja itu untuk memperkukuh kerjasama dalam bidang tenaga.

Selain kerjasama sedia ada da-

lam pengimportan arang batu, Fadillah berkata, beliau dan Timbalan Perdana Menteri Russia, Alexey Overchuk turut berbincang mengenai potensi kerjasama tenaga nuklear di antara kedua-dua negara.

"Russia mempunyai teknologi tinggi dalam bidang penghasilan tenaga melalui teknologi nuklear secara aman. Pengalaman negara ini dalam teknologi tenaga

nuklear boleh dimanfaatkan oleh Malaysia dalam memenuhi aspirasi Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara," kata Fadillah.

Beliau turut mengadakan mesyuarat bersama Ketua Pengarah Rosatom, Alexey Likhachev pada Jumaat dengan perbincangan yang menyentuh aspek teknikal dan operasi termasuk perundangan serta pemindahan teknologi dan latihan tenaga kerja.

Fadillah berkata, mesyuarat berkenaan membuka ruang kepada dialog secara langsung di antara wakil agensi teknikal Malaysia dan Rosatom selaku badan nuklear negara itu, bagi menilai bentuk kerjasama dalam tenaga nuklear, termasuk pengukuhan dan pemodenan grid, yang seterusnya akan memberikan impak positif kepada kerjasama Grid Tenaga ASEAN.

BERNAMA



Fadillah bersama Duta Besar Malaysia ke Russia, Datuk Cheong Loon Lai (lima dari kanan) pada Majlis Ramah Mesra bersama rakyat Malaysia di Russia malam kelmarin. (Foto BERNAMA)